

Abdullah tinjau sendiri kemajuan projek RMK-9

BH- 3/8/2007.

PM lebihutamakan pelaksanaan kerja daripada banyak bercakap

Oleh Ismail Mat, Khairul Anuar Abdul Samad dan Wan Faizal Ismayatim

KOTA BHARU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kini sudah memasuki fasa pelaksanaan bagi semua projek dirancang di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, berikutan itu, beliau akan meninjau sendiri perkembangan pelbagai projek RMK-9 di seluruh negara bagi memastikan semua kerja dirancang berjalan seperti dijadualkan.

Katanya, beliau kini memilih melakukan kerja daripada melayan soalan demi soalan, pertanyaan demi pertanyaan yang dikemukakan pihak yang hanya tahu dan suka bertanya daripada bekerja.

“Orang tanya macam-macam, itu dan ini, soal kewangan hinggalah terlalu banyak projek hendak dilaksanakan. Itulah sikap orang yang suka bertanya. Saya sendiri boleh tanya 100 soalan kepada mereka, tetapi ini bukan pertandingan soal jawab.

“Kita tidak boleh cakap saja, ada masa kita dengar. Kita mesti merancang sebelum bekerja, maka pelaksanaan perancangan dibuat seperti ditetapkan.

“Saya memilih buat kerja kerana kita sudah meluluskan peruntukan wang bagi menjayakan rancangan diluluskan Parlimen,” katanya berucap pada majlis mesra dan jamuan rakyat di Dataran Warisan Kada dekat Kok Lanas, semalam.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek kerajaan sama seperti menguruskan kenduri kahwin yang sempurna, jika dibuat tanpa mengikut perancangan ditetapkan awal, boleh menyebabkan kalam-kabut dan akhirnya memalukan.

“Kita mahu hidangkan kepada rakyat rancangan pembangunan yang beri faedah kepada mereka apabila dilaksanakan sebab itu ia mengambil masa. Pada peringkat ini, saya mahu ia berjalan dengan elok, supaya disempurnakan dalam masa ditetapkan,” katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam merancang projek RMK-9, beliau meminta pandangan pemimpin Umno negeri ini untuk berkongsi pemikiran dengan anak Kelantan menerusi seminar sebelum hasilnya diserahkan kepadanya.

“Ia kini diterjemahkan menerusi projek pembangunan untuk rakyat Kelantan, termasuk yang paling saya mahu iaitu Universiti Malaysia Ke-

lantani (UMK). Namun itu, belum cukup, banyak lagi diharapkan rakyat Kelantan, termasuk peningkatan infrastruktur dan kemudahan apabila Kelantan dan negeri Pantai Timur dimajukan menerusi Koridor Timur kelak,” katanya.

Beliau berkata, antara projek dilaksanakan di Ketereh dan Kok Lanas ialah pembinaan Kolej Matrikulasi bernilai RM151 juta, lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (RM200 juta) dan pembinaan 1,000 unit rumah mampu milik kos rendah dan sederhana oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, dekat sini, Abdullah berkata,

kontraktor yang lewat dalam menyiapkan sesuatu projek kerajaan mengikut jadual, wajar diberhentikan bagi memastikan pembangunan yang dirancang tidak terjejas.

Katanya, apabila Koridor Timur yang membabitkan Kelantan, Terengganu dan Pahang dilancarkan, ia tentu akan dapat meningkatkan pembangunan serta ekonomi di sini.

Sementara itu, berucap pada Majlis Gandingan Gemilang yang dihadiri kira-kira 1,000 ketua jabatan dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan seluruh Kelantan di sini, malam tadi, Abdullah berkata, perselisihan antara Umno dan Pas tidak boleh terus meminggirkan rakyat Kelantan yang selama ini dahagakan pembangunan.

“Walaupun Kelantan masih di bawah pembangkang ketika ini, ramai rakyat negeri itu menyokong Umno dan Barisan Nasional serta kepeimpinannya.

“Walaupun saya bukan orang Kelantan, tetapi sebagai Perdana Menteri Malaysia, saya juga Perdana Menteri untuk Kelantan, sebab itu negeri ini tidak boleh dipencilkan daripada pembangunan negara dan perancangan yang hendak dilaksanakan,” katanya.

FAKTA NOMBOR

Projek di Ketereh, Kok Lanas

RM151j

Kos bina Kolej Matrikulasi

RM200j

Pembinaan lebuhraya